



## Profil pemikiran Banjar: Satu kajian perbandingan antara suku Banjar di Malaysia dan di Indonesia

Rahim Aman<sup>1</sup>, Zulkifley Hamid<sup>1</sup>, Shahidi Abd. Hamid<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Rahim Aman (email: [tuntas@ukm.my](mailto:tuntas@ukm.my))

### Abstrak

Kajian ini cuba menyelidiki profil pemikiran Banjar dalam aspek sahsiah, pandangan terhadap kemajuan dunia, aspek keusahawanan dan kesetiaan pada negara. Kaji selidik telah dilakukan untuk memperolehi profil pemikiran mereka. Alat pengukuran sahsiah, pandangan terhadap kemajuan dunia, keusahawanan dan kesetiaan pada negara telah ditadbirkan kepada responden yang berketurunan Banjar seramai 300 orang. Responden terdiri dari 257 orang berketurunan Banjar di Malaysia dan 43 orang berketurunan Banjar di Indonesia. Melalui analisis statistik deskriptif didapati tahap pemikiran Banjar dari segi sahsiah berada pada tahap yang tinggi (78.02), manakala dari aspek pandangan terhadap kemajuan dunia berada pada tahap sederhana (67.12), aspek keusahawanan berada pada tahap tinggi (71.23), dan aspek kesetiaan pada negara pula turut berada pada tahap yang tinggi (87.25). Secara keseluruhan, indeks pemikiran Banjar berada pada tahap yang tinggi (75.96). Ujian *t* memperlihatkan perbezaan yang signifikan dari segi pandangan terhadap kemajuan dunia ( $t = 2.200, p < 0.05$ ) antara Banjar di Malaysia (min 85.37) dan di Indonesia (min 81.07). Demikian juga, ujian *t* memperlihatkan perbezaan yang signifikan dari segi keusahawanan ( $t = 8.542, p < 0.05$ ) antara Banjar di Malaysia (min 39.61) dan di Indonesia (min 31.71). Namun dari segi sahsiah dan kesetiaan pada negara, ujian *t* menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara Banjar di Malaysia dan di Indonesia. Dengan menggunakan ujian ANOVA dua hala dan ANOVA tiga hala, didapati wujud perbezaan tahap sahsiah antara negara, tempat tinggal dan jantina ( $F = 6.728, p < 0.05$ ), dan dengan ujian ANOVA dua hala didapati terdapat perbezaan tahap keusahawanan antara negara dan tempat tinggal ( $F = 7.818, p < 0.05$ ), juga perbezaan tahap kesetiaan yang signifikan mengikut negara dan tempat tinggal ( $F = 7.738, p < 0.05$ ). Pengkaji berharap dapatan kajian ini dapat memberikan sumbangan idea untuk meningkatkan pemikiran Banjar, dan seterusnya memajukan lagi masyarakat Banjar di seluruh Nusantara.

**Katakunci:** kesetiaan, keusahawanan, pandangan terhadap kemajuan dunia, profil pemikiran, sahsiah, Suku Banjar

## Profile of thinking: A comparative study among Banjar in Malaysia and Indonesia

### Abstract

The present article attempted to investigate the profile of Banjar thinking in terms of personality, views on the progress of the world, entrepreneurship and loyalty to the country. A questionnaire survey was conducted to obtain a profile of their thoughts. Measurement of personality, views on the progress of the world, entrepreneurship and loyalty to the country was administered to 300 Banjar descent. Respondents consisted of 257 descendants of Banjar in Malaysia and 43 descendants of Banjar in Indonesia. Through descriptive statistical analysis, we found the level of thinking in terms of personality amongst the people of Banjar are at a high level (78.02), while in terms of views on the progress of the world is at a moderate level (67.12), the aspect of entrepreneurship is at a high level (71.23), and the aspect of loyalty to the country is also at a high level (87.25). Overall, the index of the level of Banjar thinking is high (75.96). Results of *t* tests showed significant differences in views on the progress of the world ( $t = 2200, p < 0.05$ ) between the Banjar in Malaysia (mean

85.37) and in Indonesia (mean 81.07). Likewise, *t* tests showed significant differences in terms of entrepreneurship ( $t = 8542, p < 0.05$ ) between the Malaysian Banjar (mean = 39.61) and Indonesian Banjar (mean = 31.71). But in terms of personality and loyalty to the country, *t* tests showed no significant difference between Banjar in Malaysia and in Indonesia. By using two-way ANOVA test and a three-way ANOVA, it showed a significant difference between levels of personality by countries, residence and gender ( $F = 6728, p < 0.05$ ), and with two-way ANOVA test, we found that the levels of entrepreneurship are significantly different between the country of living ( $F = 7818, p < 0.05$ ), and it also showed that the levels of loyalty are significantly different between country and place of residence ( $F = 7738, p < 0.05$ ). Researchers hope these findings can contribute ideas to improve the life of Banjar, and thus improving the standard of living of the Banjar people throughout the Nusantara.

**Keywords:** Banjar Tribe, entrepreneurship, loyalty, personality, profile of thinking, views on the progress of the world

## Pengenalan

Suku Banjar ialah penduduk asli yang mendiami sebahagian besar wilayah Kalimantan Selatan. Mereka memiliki kesamaan dengan penduduk Pulau Sumatera dan daerah sekitarnya. Mereka berpindah ke kawasan ini lebih dari seribu tahun yang lalu. Setelah berlalu masa yang lama, dan setelah bercampur dengan penduduk asal setempat yang biasanya dinamakan secara umum sebagai suku Dayak, dan dengan imigran-imigran yang datang kemudian, terbentuklah setidaknya-tidaknya tiga subsuku, iaitu Banjar Pahuluan, Banjar Batang Banyu dan Banjar Kuala. Orang Pahuluan pada dasarnya ialah penduduk yang mendiami lembah sungai yang berhulu di Pergunungan Meratus; orang Batang Banyu mendiami lembah sungai Negara; sedangkan orang Banjar Kuala mendiami daerah sekitar Banjarmasin dan Martapura. Bahasa yang mereka kembangkan dinamakan bahasa Banjar yang pada dasarnya ialah bahasa Melayu. Nama Banjar diperoleh kerana mereka sebelum dijajah pada tahun 1860 adalah warga Kesultanan Banjarmasin atau singkatnya Banjar, sesuai dengan nama ibu kotanya. Ketika ibu kota dipindahkan arah ke pedalaman, terakhirnya di Martapura, nama tersebut nampaknya sudah baku dan tidak berubah lagi.

Ketika pusat kerajaan dipindahkan ke Banjarmasin dan terbentuknya Kesultanan Banjar, sebahagian warga Batang Banyu dipindahkan ke pusat kekuasaan yang baru ini, dan dengan demikian terbentuklah subsuku Banjar. Di kawasan ini mereka berjumpa dengan suku Dayak Ngaju, dan seperti masyarakat Dayak Bukit dan masyarakat Dayak Manyan atau Lawangan, banyak di antara mereka yang akhirnya melebur ke dalam masyarakat Banjar setelah mereka memeluk agama Islam, atau bermigrasi ke tempat-tempat lain, khususnya ke sebelah barat sungai Barito. Mereka yang bertempat tinggal di sekitar ibu kota kesultanan inilah sebenarnya yang dinamakan atau menamakan dirinya orang Banjar, sedangkan masyarakat Pahuluan dan masyarakat Batang Banyu biasa menyebut diri mereka sebagai orang asal kota-kota kuno yang terkemuka dahulu. Tetapi bila berada di luar tanah Banjar, mereka itu tanpa kecuali mengaku sebagai orang Banjar. Setelah kesultanan Banjar dibubarkan oleh penjajah Belanda, ramai orang Banjar yang bermigrasi ke luar daerah. Salah satunya adalah ke Sapat yang diperintah oleh Kerajaan Indragiri yang sekarang ini dinamakan Kabupaten Indragiri Hilir. Sebahagian daripada mereka ada pula yang berpindah ke Malaysia seperti ke negeri Selangor, Kedah, Perak dan lain-lain (<http://zuljamalie.blogdetik.com/perihal/>).

## Permasalahan dan objektif

Era globalisasi memperlihatkan satu cabaran terhadap budaya lokal yang cuba ditransformasikan kepada budaya homogenus hasil daripada penyebaran budaya konsumer yang ditaja oleh Amerika Syarikat ke seluruh pelusuk dunia secara meluas (Marsitah, 2001). Serangan budaya globalisasi ini lambat laun akan menghakis ketamadunan Melayu yang ada di rantau Asia ini. Menurut Wan Mohd. Nor (2005), tamadun Melayu bermakna hasil pencapaian bangsa Melayu dalam pelbagai bidang utama kehidupan manusia, termasuk kebendaan melalui beberapa sistem pemerintahan. Keseluruhan hasil pencapaian itu haruslah mencerminkan tata nilai utama orang Melayu. Tamadun Melayu adalah

tamadun yang dibangunkan oleh semua suku bangsa di kepulauan Melayu yang kebanyakannya beragama Islam dan berkomunikasi dengan bahasa Melayu sebagai *lingua franca*.

Peradaban Melayu pula bukan hanya khas untuk orang Melayu di Malaysia sahaja, tetapi untuk seluruh dunia Melayu seperti Indonesia, Brunei Darussalam, Singapura, Filipina, Thailand, Myanmar, Laos, Kemboja, Vietnam, Sri Langka, Madagascar, Arab Saudi dan lain-lain (Mohd. Yusuf, 2004). Peradaban Melayu mempunyai epistemologinya sendiri iaitu tentang ilmu dan pemikirannya. Bangsa Melayu mempunyai persepsi ilmu yang betul, sumber ilmu yang jitu, jenis ilmu yang jelas dan pembahagian ilmu yang mantap. Ilmu bagi orang Melayu adalah untuk kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat. Dalam mencapai wawasan 2020 dan seterusnya, bangsa Melayu perlu mempunyai gagasan paradigma pemikiran yang pragmatis untuk pembinaan peradabannya. Dalam peradaban Melayu seperti juga dalam peradaban lain, terdapat bidang-bidang pembangunannya, seperti pendidikan, politik, ekonomi, sains dan teknologi, kemanusiaan dan kemasyarakatan serta seni budayanya (Mohd. Taib, 2004).

Kajian tentang suku Banjar dari aspek keagamaan, sejarah dan bahasa telah sering dilakukan oleh penyelidik yang mendalami tentang fenomena suku Banjar di rantau Asia ini. Pengkajian sahsiah, pandangan dunia, keusahawanan dan kesetiaan pada negara suku Banjar ini adalah untuk melihat konteks pemikiran, emosi, kemahuan dan keinginan, kehendak dan daya penaakulan suku Banjar. Pada umumnya, kajian ini bertujuan untuk menerokai pola pemikiran Banjar, dan seterusnya membuat perbandingan antara pola pemikiran keturunan Banjar yang ada di Malaysia dan keturunan Banjar yang ada di Indonesia. Untuk itu, kajian ini menggariskan dua objektif utama untuk dicapai, iaitu:

1. Untuk mengetahui sejauhmana tahap pemikiran Banjar, dari segi sahsiah, pandangan terhadap kemajuan dunia, keusahawanan dan kesetiaan pada negara.
2. Untuk melihat perbezaan pola sahsiah, pandangan terhadap kemajuan dunia, keusahawanan dan kesetiaan pada negara, antara Suku Banjar di Malaysia dan Suku Banjar di Indonesia.

## Definisi konsep

Bagi memahami pemikiran Banjar, tiga konsep asas akan dijadikan asas pengukuran. Ketiga-tiga konsep tersebut dijelaskan sebagai yang berikut.

### *Konsep sahsiah*

Sahsiah merupakan antara aspek yang paling penting dalam pembinaan tamadun sesebuah bangsa. Keruntuhan sesebuah tamadun banyak disebabkan oleh faktor sahsiah masyarakatnya yang rosak. Perkara ini telah dibuktikan oleh Ibnu Khaldun melalui teori kelahiran dan kejatuhan sesebuah tamadun yang diketengahkan dalam pelbagai karya, khususnya dalam karya agung beliau iaitu *Muqaddimah* ([www.suaramedia.com](http://www.suaramedia.com)). Pandangan Ibnu Khaldun adalah berdasarkan pengkajiannya terhadap tamadun-tamadun silam.

Sahsiah bermakna peribadi atau personaliti. Ia merujuk kepada sifat yang mencirikan peribadi orang berkenaan. Peribadi menggambarkan personaliti individu yang membezakannya daripada orang lain. Sahsiah merangkumi gaya hidup, kepercayaan, harapan, nilai, motif, pemikiran, perasaan, budi pekerti, persepsi, tabiat, sikap dan watak seseorang. Sahsiah ditakrifkan sebagai organisasi dinamik sesuatu sistem psikofizikal dalam seseorang individu yang menentukan tingkah laku dan fikirannya. Sistem psikofizikal merangkumi segala unsur psikologi seperti tabiat, sikap, nilai, kepercayaan dan emosi, bersama dengan unsur-unsur fizikal seperti bentuk tubuh badan, urat saraf, kelenjar, wajah dan gerak gerik seseorang (Schultz & Schultz, 2005). Sahsiah mempunyai tiga ciri utama. Pertama, keunikan dengan maksud tersendiri. Kedua, kebolehsuaian atau keupayaannya untuk berubah dan diubah, iaitu hasil daripada pembelajaran atau pengalaman. Ketiga, corak organisasinya. Dengan perkataan lain sahsiah bukan sekadar himpunan tingkah laku sebaliknya turut melibatkan corak tindakan dan operasi yang bersifat konsisten. Tegasnya sahsiah mencerminkan sifat, fizikal, kognitif, emosi, sosial dan rohani seseorang.

### *Konsep keusahawanan*

Keusahawanan adalah suatu proses dinamik untuk mencipta kekayaan. Kekayaan dicipta oleh individu yang menanggung risiko besar dalam ekuiti, masa dan komitmen kerjaya atau menyediakan nilai untuk sesuatu produk atau perkhidmatan. Ia adalah proses mencipta sesuatu yang baru dengan mengambil kira masa dan usaha, risiko kewangan, psikologi dan sosial, dan menerima manfaat dari segi kewangan, kepuasan peribadi dan kebebasan (Defilippis & Saegert, 2007; Grint, 2001). Terdapat empat aspek asas dalam keusahawanan:

1. Keusahawanan terlibat dalam mencipta sesuatu proses yang baru. Penciptaan tersebut mestilah mempunyai nilai kepada usahawan dan pasaran di mana proses tersebut dibangunkan.
2. Keusahawanan memerlukan kesetiaan dan usaha yang gigih.
3. Keusahawanan melibatkan individu yang sanggup menerima pelbagai risiko dalam bidang perniagaan masing-masing terutama daripada aspek kewangan, psikologi dan sosial.
4. Keusahawanan menerima banyak ganjaran apabila menjadi seorang usahawan. Ganjaran utama adalah kebebasan kewangan, diikuti oleh kepuasan peribadi dan seterusnya keuntungan. Pada sesetengah usahawan, kekayaan merupakan simbol kejayaan.

Ringkasnya, keusahawanan merupakan suatu proses inovasi dan penciptaan melalui empat dimensi iaitu individu, organisasi, alam sekitar dan proses, dan dengan kerjasama rangkaian dalam kerajaan, pendidikan dan perlembagaan.

### *Konsep kesetiaan pada negara*

Kesetiaan kepada raja dan negara bermaksud bahawa setiap warganegara hendaklah menumpukan sepenuh taat setia, jujur dan ikhlas kepada pemerintah. Di Malaysia, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah pemerintah tertinggi negara. Di Indonesia Presiden merupakan pemerintah tertinggi negara tersebut. Di peringkat negeri atau wilayah pula, rakyat dikehendaki menumpukan taat setia kepada raja atau Yang di-Pertuan Negeri yang memerintah negeri tempat mereka bermastautin tanpa mengurangkan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong. Di Indonesia, gabenor wilayah merupakan pemerintah tertinggi bagi sebuah provinsi.

## **Metodologi**

Kajian ini merupakan kajian yang bersifat penerokaan dengan menggunakan satu set borang soal selidik. Kajian ini dijalankan di negeri Perak, Malaysia dan daerah Banjarmasin di Indonesia. Dalam kajian ini subjek dipilih secara rawak dari kalangan mereka yang berketurunan Banjar. Seramai 300 orang yang berketurunan Banjar terlibat dalam kajian ini, iaitu 257 orang dari Malaysia (85.7%) dan 43 orang dari Indonesia (14.3%).

Pengkaji telah mentadbirkan satu set boring soal selidik yang mengandungi dua bahagian: Bahagian I: Borang Maklumat Diri dan Bahagian II : Faktor-faktor Pemikiran Banjar, yang terdiri daripada:

1). Faktor Sahsiah: faktor ini terdiri daripada 20 item pertanyaan tentang sahsiah diri suku Banjar. Pemarkatan adalah berdasarkan skala: Tahap Rendah (Skor 20-46), Tahap Sederhana (Skor 47-73) dan Tahap Tinggi (Skor 74-100). Contoh item: “*Saya bangga berketurunan Banjar*”, “*Saya berkawan dengan semua orang*”.

2). Faktor Pandangan Terhadap Kemajuan Dunia: Faktor pandangan terhadap kemajuan dunia ini terdiri daripada 23 item pertanyaan tentang IT, globalisasi dan bahasa. Pemarkatan adalah berdasarkan skala: Tahap Rendah (Skor 23-54), Tahap Sederhana (Skor 55-84) dan Tahap Tinggi (Skor 85-115). Contoh item : “*Saya mempunyai pengetahuan yang cukup tentang teknologi maklumat atau IT*”, “*Globalisasi tidak harus menjadi alat golongan kapitalis untuk menjajah ekonomi dunia*”, “*Bahasa Melayu/Indonesia boleh menjadi bahasa ilmu yang berjaya*”.

3). Faktor Keusahawanan: Faktor ini terdiri daripada 10 item pertanyaan tentang keusahawanan. Pemarkatan adalah berdasarkan skala: Tahap Rendah (Skor 10-22), Tahap Sederhana (Skor 23-36) dan Tahap Tinggi (Skor 37-50). Contoh item : “*Saya mengetahui sumber-sumber bantuan kewangan*”.


yang boleh diperolehi daripada dana kerajaan dan swasta”, “Saya sanggup menanggung risiko untuk menjalankan projek pembangunan”.

4). Faktor Kesetiaan Pada Negara: Faktor ini terdiri daripada 11 item pertanyaan yang berkaitan kesetiaan kepada negara. Pemarkatan adalah berdasarkan skala: Tahap Rendah (Skor 11-25), Tahap Sederhana (Skor 26-40) dan Tahap Tinggi (Skor 41-55). Contoh item : “Saya bangga menjadi rakyat Malaysia/Indonesia”, “Saya sanggup berkorban untuk Malaysia/Indonesia”.

Item-item pengukuran yang dibina berada pada aras kesignifikan 0.05, serta memperolehi indeks keabsahan yang tinggi pada skala pengukuran sahsiah ( $\alpha=0.883$ ), pandangan terhadap kemajuan dunia ( $\alpha=0.878$ ) dan keusahawanan ( $\alpha=0.905$ ). Skala kesetiaan pada negara berada pada tahap yang sederhana, iaitu  $\alpha=.655$ .


## Dapatan kajian

Rajah 1 memperlihatkan aras pemikiran Banjar. Dari segi sahsiah, pemikiran orang Banjar berada pada tahap yang tinggi (78.02), pandangan terhadap kemajuan dunia berada pada tahap yang sederhana (67.12), keusahawanan pada tahap yang tinggi (71.23), dan kesetiaan pada negara berada pada tahap yang tinggi (87.25). Keputusan ini menunjukkan bahawa faktor yang mendapat skor paling tinggi ialah faktor kesetiaan pada negara. Faktor yang mendapat skor terendah ialah faktor pandangan terhadap kemajuan dunia. Secara keseluruhan indeks pemikiran Banjar berada pada tahap yang tinggi (75.96)



Rajah 1. Skor pemikiran Banjar

Rajah 2 pula menunjukkan perbandingan pemikiran Banjar antara Malaysia dan Indonesia. Secara keseluruhan skor nilai pemikiran suku Banjar yang berada di Malaysia adalah lebih tinggi berbanding yang berada di Indonesia. Sahsia Banjar di Malaysia berada pada skor 78.42, manakala di Indonesia 75.63. Skor pandangan terhadap kemajuan dunia Banjar di Malaysia adalah 67.79, dan di Indonesia 63.11. Skor keusahawanan di Malaysia berada pada 74.01, dan di Indonesia 54.28. Skor kesetiaan pada negara di Malaysia adalah 87.34, dan di Indonesia 86.74. Terdapat perbezaan yang ketara antara Banjar di Malaysia dan di Indonesia dari segi pandangan terhadap kemajuan dunia dan keusahawanan. Di Malaysia, faktor keusahawanan mendapat skor lebih tinggi berbanding faktor pandangan terhadap kemajuan dunia, dan sebaliknya di Indonesia faktor keusahawanan mendapat skor lebih rendah berbanding faktor pandangan terhadap kemajuan dunia.



**Rajah 2.** Perbandingan skor pemikiran antara Banjar di Malaysia dan Indonesia

Selanjutnya, kajian ini menganalisis perbandingan tahap sahsiah antara suku Banjar di Malaysia dan di Indonesia. Dengan menggunakan ujian  $t$ , Jadual 1 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap sahsiah Banjar di Malaysia (min=82.74) dengan Banjar di Indonesia (min=80.51). Nilai  $t = 1.630$  dengan  $p > 0.05$ .

**Jadual 1.** Perbezaan tahap sahsiah antara suku Banjar di Malaysia dan di Indonesia

Negara	N	Min	SP	Dk	$t$	$p$
Malaysia	257	82.74	8.11	298	1.630	.104
Indonesia	43	80.51	9.44			

Analisis seterusnya dilakukan untuk membandingkan pandangan suku Banjar di Malaysia dan di Indonesia terhadap kemajuan dunia seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Ujian  $t$  yang dilakukan memperlihatkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek pandangan terhadap kemajuan dunia antara Banjar di Malaysia (min=85.37) dengan Banjar di Indonesia (min=81.07). Nilai  $t = 2.200$  dengan  $p < 0.05$ .

**Jadual 2. Perbezaan tahap pandangan terhadap kemajuan dunia antara suku Banjar di Malaysia dan di Indonesia**

Negara	N	Min	SP	Dk	<i>t</i>	<i>p</i>
Malaysia	257	85.37	11.42	298	2.200	.029
Indonesia	43	81.07	14.35			

Analisis seterusnya dilakukan untuk sama ada wujud atau tidak perbezaan yang signifikan antara aspek keusahawanan suku Banjar di Malaysia dengan di Indonesia (Jadual 3). Ujian *t* membuktikan kepada kita bahawa terdapat perbezaan dalam aspek keusahawanan antara Banjar di Malaysia (min=39.61) dengan Banjar di Indonesia (min=31.71), dengan nilai *t* = 8.542 dan *p* < 0.05.

**Jadual 3. Perbezaan tahap keusahawanan antara suku Banjar di Malaysia dan di Indonesia**

Negara	N	Min	SP	Dk	<i>t</i>	<i>p</i>
Malaysia	256	39.61	5.32	296	8.542	.000
Indonesia	42	31.71	6.78			

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4, ujian *t* memperlihatkan kepada kita bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan dalam aspek kesetiaan pada negara antara Banjar di Malaysia (min=44.94) dengan Banjar di Indonesia (min=44.69), di mana nilai *t*=0.316 dengan *p* > 0.05.

**Jadual 4. Perbezaan tahap kesetiaan antara suku Banjar di Malaysia dan di Indonesia**

Negara	N	Min	SP	Dk	<i>t</i>	<i>p</i>
Malaysia	257	44.94	4.36	298	.316	.752
Indonesia	43	44.69	5.88			

Analisis ANOVA 3 Hala digunakan untuk menunjukkan tahap perbezaan sahshiah Suku Banjar mengikut negara, lokasi kediaman dan jantina (Jadual 5). Hasil analisis mendapati bahawa terdapat perbezaan sahshiah yang signifikan dalam kalangan suku Banjar mengikut negara, kawasan kediaman dan jantina, di mana nilai *F*=6.728 dengan *p*<0.05. Bagaimanapun tiada perbezaan tahap sahshiah yang signifikan bagi pasangan yang lain.

**Jadual 5. ANOVA perbezaan antara tahap sahshiah mengikut negara, lokasi kediaman dan jantina**

Punca Variasi	JKD	Dk	MKD	<i>F</i>	<i>P</i>
Negara	413.996	1	413.996	6.439	.012
Lokasi kediaman	354.418	1	354.418	5.513	.020
Jantina	183.496	1	183.496	2.854	.092
Negara * Kediaman	221.806	1	221.806	3.450	.064
Negara * Jantina	18.745	1	18.745	.292	.590
Kediaman * Jantina	87.758	1	87.758	1.365	.244
<i>Negara * Kediaman * Jantina</i>	<i>432.557</i>	<i>1</i>	<i>432.557</i>	<i>6.728</i>	<i>.010*</i>

*k*<0.05

Hasil analisis ini menggambarkan bahawa di Malaysia, tahap sahshiah suku Banjar dalam kalangan lelaki bandar (min=85.38) adalah lebih tinggi berbanding tahap sahshiah perempuan di bandar (min=81.34). Sebaliknya, di Indonesia tahap sahshiah lelaki suku Banjar yang tinggal di bandar (81.09) lebih rendah berbanding tahap sahshiah perempuan di bandar (min=83.50). Selanjutnya dapatan juga menunjukkan pola yang berbeza antara bandar dan luar bandar di antara kedua negara ini. Bagi suku Banjar yang berada di luar bandar di Malaysia, tahap sahshiah perempuan (min=82.81) adalah lebih tinggi berbanding tahap sahshiah lelaki luar bandar (82.37). Sebaliknya, di Indonesia tahap sahshiah

perempuan luar bandar (min=71.00) adalah lebih rendah berbanding tahap sahsiah lelaki luar bandar (min=80.40).

Jadual 6 pula menunjukkan pemerihalan nilai min dan analisis ANOVA 2 Hala terhadap perbezaan antara tahap keusahawanan dalam kalangan suku Banjar mengikut negara, lokasi kediaman dan jantina. Hasilnya didapati wujud perbezaan tahap keusahawanan mengikut negara dan tempat kediaman bandar dan luar bandar di mana nilai  $F=7.818$  dengan  $p<0.05$ . Namun tiada perbezaan signifikan bagi pasangan faktor yang lain. Hasil analisis ini menggambarkan bahawa tahap keusahawanan bagi suku Banjar luar bandar di Malaysia, (min=39.63) lebih tinggi berbanding tahap keusahawanan di bandar (min=39.18). Sebaliknya di Indonesia, tahap keusahawanan luar bandar lebih rendah (min=27.30) berbanding tahap keusahawanan di bandar (min=32.82).

**Jadual 6. ANOVA 2 Hala tahap keusahawanan antara negara, lokasi kediaman dan jantina**

Punca Variasi	JKD	Dk	MKD	F	p
Corrected Model	2,653.972 <sup>a</sup>	7	379.139	12.780	.000
Intercept	125,545.887	1	125,545.887	4,231.885	.000
Negara	2,271.149	1	2,271.149	76.556	.000
Kediaman	167.719	1	167.719	5.653	.018
Jantina	136.456	1	136.456	4.600	.033
<i>Negara * Kediaman</i>	<i>231.943</i>	<i>1</i>	<i>231.943</i>	<i>7.818</i>	<i>.006*</i>
Negara * Jantina	42.940	1	42.940	1.447	.230
Kediaman * Jantina	14.900	1	14.900	.502	.479
Negara * Kediaman * Jantina	11.615	1	11.615	.392	.532

$k<0.05$

Jadual 7 menunjukkan hasil analisis ANOVA 2 Hala terhadap tahap kesetiaan dalam kalangan suku Banjar mengikut negara dan kawasan kediaman. Didapati wujud perbezaan yang signifikan tahap kesetiaan suku banjar mengikut negara dan kawasan kediaman dengan nilai  $F=7.738$  dan  $p<0.05$ . Bagaimanapun tiada perbezaan signifikan bagi pasangan yang lain.

**Jadual 7. Analisis ANOVA terhadap kesetiaan Banjar mengikut negara, lokasi kediaman dan jantina**

Punca Variasi	JKD	Dk	MKD	F	P
Corrected Model	209.501	7	29.929	1.440	.189
Intercept	20,436.62	1	204,363.62	9,831.476	.000
Negara	36.907	1	36.907	1.776	.184
Kediaman	124.458	1	124.458	5.987	.015
Jantina	3.088	1	3.088	.149	.700
<i>Negara * Kediaman</i>	<i>160.838</i>	<i>1</i>	<i>160.838</i>	<i>7.738</i>	<i>.006*</i>
Negara * Jantina	.333	1	.333	.016	.899
Kediaman * Jantina	12.052	1	12.052	.580	.447
Negara * Kediaman * Jantina	43.452	1	43.452	2.090	.149

$k<0.05$

Pola hubungan dari segi perbezaan ini menggambarkan bahawa tahap kesetiaan suku Banjar luar bandar di Malaysia (min=44.97) adalah lebih tinggi berbanding tahap kesetiaan di bandar (min=44.67). Sebaliknya di Indonesia, tahap kesetiaan luar bandar (min=41.30) adalah lebih rendah berbanding tahap kesetiaan di bandar (min=45.96).



## Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pemikiran Banjar yang paling rendah ialah faktor pandangan terhadap kemajuan dunia dan keusahawanan. Fenomena ini menunjukkan bahawa pandangan terhadap kemajuan dunia dan keusahawanan merupakan entiti yang sangat dipengaruhi oleh persekitaran, atau oleh faktor luaran dan keadaan semasa. Dua faktor ini tidak ditentukan oleh nilai sendiri dan budaya, namun dipengaruhi oleh sistem pendidikan, politik dan ekonomi. Skor yang tinggi bagi aspek sahsiah dan kesetiaan pada negara dalam kalangan suku Banjar adalah disebabkan oleh personaliti dan budaya suku Banjar yang lebih didominasi oleh budaya keagamaan, khasnya Islam yang sentiasa mengajar dan menekankan aspek akhlak dan ketauhidan dalam sistem kehidupan. Hal ini seterusnya mempengaruhi sahsiah dan kesetiaan suku Banjar dalam dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

Hasil analisis perbandingan antara suku Banjar di Malaysia dan di Indonesia memperlihatkan tidak adanya pola perbezaan dari segi sahsiah dan kesetiaan pada negara antara suku Banjar di Malaysia dan di Indonesia. Budaya berfikir Banjar adalah berteraskan budaya keislaman dan kemelayuan mereka, walaupun mereka telah dipisahkan oleh sempadan negara. Malaysia dan Indonesia, khususnya Kalimantan dari sudut sosial dan sejarah adalah dua daerah yang dicirikan sepenuhnya oleh ciri-ciri kemelayuan dan keislaman.

Dari segi faktor pandangan terhadap kemajuan dunia, suku Banjar di Malaysia dan suku Banjar di Indonesia memperlihatkan pola perbezaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pandangan terhadap kemajuan dunia suku Banjar di Malaysia adalah lebih tinggi berbanding suku Banjar di Indonesia. Dapatan ini menggambarkan terdapatnya perbezaan infrastruktur dan kemudahan untuk membolehkan maklumat tersebar secara lebih meluas, dan media dapat berperanan dengan lebih berkesan. Secara realiti di Malaysia, usaha pemerintah dalam memajukan pelbagai aspek kemudahan media dan komunikasi untuk masyarakat adalah jauh lebih terancang dan terkehadapan. Faktor ekonomi sangat berperanan dalam aspek ketersebaran media ini. Alat-alat media yang belum tersebar secara merata di tengah masyarakat akan menghambat perancangan dan pelaksanaan untuk menjadikan media sebagai sarana untuk melihat perkembangan kemajuan dalam pelbagai aspek kehidupan. Walaupun terdapat perbezaan antara Indonesia dan Malaysia, ianya masih menunjukkan tahap pandangan terhadap kemajuan dunia yang tinggi bagi rakyat kedua-dua negara.

Demikian pula, faktor keusahawanan antara suku Banjar di Malaysia dan suku Banjar di Indonesia memperlihatkan secara jelas pola perbezaan. Dapatan kajian menunjukkan tahap keusahawanan suku Banjar di Malaysia adalah lebih tinggi berbanding suku Banjar di Indonesia. Perbezaan ini menunjukkan bahawa polisi kerajaan Malaysia yang sangat mengutamakan peningkatan ekonomi rakyat jauh lebih berkesan berbanding di Indonesia. Hal ini turut dipengaruhi oleh sistem birokrasi di Indonesia yang sangat menghambat urusan rakyat dalam memperolehi bantuan dari pihak pemerintah. Di Malaysia, kejayaan dalam memajukan industri kecil dan sederhana dalam kalangan masyarakat banyak dipengaruhi oleh kemudahan mendapatkan bantuan kewangan dari pihak kerajaan, manakala di Indonesia industri kecil lebih banyak digerakkan oleh usaha individu (Nik Nazmi, 2010).

Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat perbezaan dalam aspek pandangan terhadap kemajuan dunia dan keusahawanan antara Malaysia dan Indonesia. Di Malaysia, tahap keusahawanan adalah lebih tinggi berbanding tahap pandangan terhadap kemajuan dunia, manakala di Indonesia tahap pandangan terhadap kemajuan dunia adalah lebih tinggi berbanding tahap keusahawanan. Dapatan ini menunjukkan adanya polisi kerajaan yang jelas dan terancang dalam aspek keusahawanan di Malaysia. Perbezaan sangat ketara antara Indonesia dengan Malaysia, Perbezaan ini menunjukkan bahawa aras keusahawanan suku Banjar di Indonesia sangat rendah sekali. Politik pasca reformasi yang masih dalam keadaan tidak menentu dan disertai dengan keadaan perekonomian yang tidak stabil telah mematikan semangat keusahawanan di Indonesia (Mohd. Syarifuddin, 2009).

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa di Indonesia pola pandangan terhadap kemajuan dunia adalah lebih tinggi berbanding keusahawanan. Seperti yang telah diterangkan, realiti di Indonesia menunjukkan ketersebaran media dan informasi adalah tidak sejajar dengan realiti pentadbiran dan suasana ekonomi semasa. Masyarakat hanya sekadar tahu dan tidak dapat mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan sehari-hari.

Selanjutnya dengan menggunakan ujian ANOVA antara negara, tempat tinggal dan jantina terhadap sahsiah jelas memperlihatkan hubungan dari segi perbezaan yang signifikan. Kesignifikan

pebezaan ini memberi maksud, bagi lokasi bandar di Malaysia, tahap sahsiah lelaki Banjar adalah lebih tinggi berbanding tahap sahsiah wanita. Sebaliknya, bagi lokasi bandar di Indonesia, tahap sahsiah lelaki adalah lebih rendah dari tahap sahsiah perempuan. Hal ini dapat diterangkan bertolak dari pemahaman bahawa sahsiah sebagai sebuah fenomena tingkah laku sosial dan keagamaan dalam kalangan suku Banjar. Di Malaysia, perhimpunan dan pergerakan keagamaan di bandar adalah didominasi oleh kaum lelaki. Lelaki lebih banyak berperanan dalam fungsi-fungsi keagamaan, yang ditandai oleh adanya pergerakan dalam wacana keislaman semasa di Malaysia. Perempuan bandar di Malaysia lebih banyak berkecimpung dalam bidang pekerjaan profesional daripada bertindak balas terhadap isu-isu sosial dan keagamaan. Di Indonesia pula, pergerakan sosial dan keagamaan di bandar sangat didominasi oleh kaum wanita berbanding lelaki. Kesedaran politik dalam wacana keislaman di kalangan perempuan bandar di Indonesia sangat tinggi.

Untuk lokasi di luar bandar di Malaysia, tahap sahsiah lelaki lebih rendah berbanding perempuan. Sebaliknya di Indonesia, tahap sahsiah lelaki lebih tinggi dari perempuan. Dapatan ini memperlihatkan bahawa sahsiah suku Banjar adalah banyak dipengaruhi oleh agama yang mereka anuti, iaitu Islam. Bagi situasi di luar bandar di Malaysia, kaum wanita didapati lebih mempertahankan tradisi keagamaannya berbanding lelaki. Dalam erti kata lain, wanita yang tinggal di luar bandar lebih menyanjung tinggi adat keagamaan berbanding kaum lelaki. Sebaliknya di Indonesia, lelaki luar bandar adalah lebih tinggi sahsiah mereka daripada wanita. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh faktor pendidikan yang umumnya tahap pendidikan lelaki adalah lebih baik berbanding perempuan.

Hubungan yang signifikan antara negara dan tempat tinggal dengan tahap keusahawanan juga turut dikesan. Ujian ANOVA menunjukkan perbezaan tahap keusahawanan yang signifikan. Bagi situasi di Malaysia tahap keusahawanan suku Banjar luar bandar adalah lebih tinggi berbanding tahap keusahawanan suku Banjar yang tinggal di bandar. Sebaliknya bagi Banjar di Indonesia, tahap keusahawanan suku Banjar yang tinggal di bandar adalah lebih tinggi berbanding tahap keusahawanan suku Banjar yang ada di luar bandar. Fenomena ini menggambarkan bahawa kerajaan Malaysia memberi perhatian yang serius kepada usaha meningkatkan ekonomi masyarakat luar bandar. Kerajaan Malaysia amat menggalakkan pembangunan industri kecil dan sederhana, selain pertanian komersial dalam kalangan penduduk luar bandar. Berlainan dengan situasi di Indonesia, berlaku ketidakseimbangan yang amat ketara antara pembangunan di bandar dan luar bandar. Dasar kerajaan Indonesia seolah-olah mengabaikan pembangunan keusahawanan di kawasan desa.

Dari segi tahap kesetiaan pada negara juga menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam kalangan suku Banjar mengikut negara dan tempat tinggal. Bagi situasi di Malaysia, dapatan menunjukkan kesetiaan suku Banjar yang tinggal di kawasan luar bandar adalah lebih tinggi berbanding suku Banjar yang tinggal di bandar. Keadaan yang sebaliknya berlaku di Indonesia, dapatan menunjukkan kesetiaan suku Banjar di bandar adalah lebih tinggi berbanding Banjar yang tinggal di luar bandar. Fenomena ini berkemungkinan disebabkan oleh faktor keadilan dalam program pembangunan. Di Malaysia pelaksanaan program pembangunan adalah lebih menyeluruh berbanding dengan pelaksanaan program pembangunan di Indonesia. Wilayah yang didiami oleh suku Banjar di Indonesia, khususnya kawasan desa umumnya terpisah dan terpecah dari arus pembangunan perdana negara tersebut yang banyak bertumpu di sekitar Pulau Jawa. Sebaliknya suku Banjar di Malaysia mendiami wilayah Pantai Barat Semenanjung, khususnya di negeri Perak yang lebih maju kerana kehampirannya dengan arus pembangunan perdana.

## **Kesimpulan**

Artikel ini telah membincangkan profil pemikiran Banjar dari aspek sahsiah, pandangan terhadap kemajuan dunia, aspek keusahawanan dan kesetiaan pada negara berdasarkan pandangan individu berketurunan Banjar di Malaysia dan di Indonesia. Analisis statistik deskriptif mendapati pemikiran Banjar dari aspek sahsiah, keusahawanan dan kesetiaan pada negara berada pada tahap yang tinggi, manakala dari aspek pandangan terhadap kemajuan dunia berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhan, indeks pemikiran Banjar berada pada tahap yang tinggi. Ujian *t* memperlihatkan perbezaan yang signifikan dari segi pandangan terhadap kemajuan dunia dan keusahawanan antara Banjar di Malaysia dan di Indonesia. Namun dari segi sahsiah dan kesetiaan pada negara, ujian *t*

memperlihatkan tiada perbezaan yang signifikan antara Banjar di Malaysia dan di Indonesia. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan idea untuk meningkatkan pemikiran Banjar, dan seterusnya memajukan lagi masyarakat Banjar di seluruh Nusantara.

## Rujukan

- Defilippis J, Saegert S (eds) (2007) *The community development reader*. Routledge, Oxon.
- Grint K (2001) *The sociology of work*. Polity Press, Cambridge.
- <http://zuljamalie.blogdetik.com/perihal/>
- Marsitah Mohd Radzi (2001) Identiti budaya migran bandar dalam arus globalisasi. In: Shamsul Amri Baharuddin (ed) *Pembentukan identiti: Sebuah wacana*. Institut Alam dan Tamaddun Melayu, Prosiding Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohammad Syariefudin Abdullah (2009) *Kenegaraan dan ketamadunan*. Fajar, Shah Alam.
- Mohd. Taib Osman (2004) *Budaya dan Bahasa Melayu: Masalah dan harapan*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd. Yusuf Hasan (2004) *Pembinaan paradigma pemikiran peradaban Melayu*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.
- Nik Nazmi Nik Ahmad (2010) *Mendepani zaman, Melayu untuk abad ke-21*. Marshall Cavendish, Shah Alam.
- Schultz D, Schultz SE (2005) *Theories of personality*. Wadsworth/Thomson Learning, Belmont, CA.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud (2005) *Kerangka keilmuan tamadun Melayu: Satu cerminan ketamadunan*. In: Anwar Ridhwan. *Minda Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- [www.suaramedia.com](http://www.suaramedia.com)